



Untuk Siaran Serta Merta

PTPTN MELAKSANAKAN KONSULTASI RAKYAT BERSIFAT TELUS DAN TERBUKA

Maklum Balas Daripada Rakyat Dialukan Bagi Melaksanakan Skim Bayaran Balik Pinjaman Pelajar Yang Lebih Mampu Serta Menjamin Kelangsungan PTPTN

Kuala Lumpur, 16 Mei 2019 - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hari ini mengumumkan permulaan konsultasi rakyat berikutan pembentangan Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) atau Public Consultation Paper (PCP) yang dinanti-nantikan. Sesi konsultasi rakyat ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai skim bayaran balik pinjaman PTPTN baharu yang lebih berpatutan dan langkah-langkah untuk mempertingkatkan kelangsungan pinjaman PTPTN kepada generasi akan datang.

Proses konsultasi rakyat ini dilaksanakan dalam bentuk kajian dalam talian (online) menerusi www.ptptn.gov.my/kertas-konsultasi-rakyat. Rakyat akan diberikan maklumat secara lengkap, telus dan terbuka untuk mengalakkan maklum balas yang bermaklumat dan membina. Menurut Pengerusi PTPTN, Encik Wan Saiful Wan Jan, sebelum ini pelbagai pihak secara berkumpulan dan individu telah cuba menyumbangkan penyelesaian kepada PTPTN, namun cadangan mereka kurang berkesan kerana tidak mempunyai fakta sebenar.

"Menerusi konsultasi rakyat ini, kami mengambil pendekatan yang telus dan terbuka bagi memastikan fakta sebenar, hasil perbincangan sesi meja bulat pada permulaan 2019, dapat diakses oleh Rakyat. Kami berharap kaedah dapatan daripada rakyat yang kami laksanakan mampu mengumpul penyelesaian yang praktikal dan mampu untuk dilaksanakan serta pada masa yang sama, menggalakkan ramai penyertaan orang awam dalam proses memutuskan dasar kerajaan," katanya.

Selain daripada peminjam PTPTN, diharapkan konsultasi rakyat ini dapat melibatkan pelbagai lapisan masyarakat Malaysia yang juga merupakan pihak berkepentingan. Ini kerana, keputusan-keputusan dasar berkaitan kewangan negara berkemungkinan mempunyai implikasi ke atas golongan ini.

Cabaran utama PTPTN adalah untuk memperkenalkan skim baharu bayaran balik pinjaman yang berpatutan dan pada masa yang sama tidak menghalang kemampuan PTPTN untuk membantu 200,000 pelajar yang bergantung kepada pinjaman PTPTN bagi memenuhi keperluan pendidikan tinggi setiap tahun. Sehingga kini, PTPTN mempunyai hutang berjumlah RM40 bilion dan merupakan antara entiti terbesar yang dijamin kerajaan - lebih besar daripada 1MDB.

Para responden kajian ini akan mengetahui bagaimana hutang besar ini telah terkumpul dan melihat statistik berkaitan masalah berterusan bagi tahap bayaran balik pinjaman yang rendah. Berikutan perkongsian maklumat, orang ramai boleh memberi maklum balas ke atas 10 idea yang terbahagi kepada lima (5) kategori, iaitu: skim baharu bayaran balik yang berpatutan; cara untuk memperbaiki kadar bayaran balik secara konsisten; membantu PTPTN untuk berjimat sebaik mungkin; membantu PTPTN mengurangkan kos dana dan meningkatkan pulangan.

Idea-idea dalam KKR ini telah dihasilkan menerusi beberapa siri sesi perbincangan meja bulat dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk ahli kewangan, ahli parlimen, agensi kerajaan dan kumpulan mahasiswa. Seiring dengan sesi libat urus intensif yang dilaksanakan sepanjang tempoh beberapa bulan yang lalu, PTPTN turut melaksanakan tinjauan perniagaan dalaman yang menyeluruh untuk menilai dengan tepat tahap daya saing kewangan PTPTN serta cabaran-cabaran utamanya.

Timbalan Ketua Eksekutif (Dasar dan Operasi), PTPTN, Puan Mastura Mohd. Khalid, berharap konsultasi rakyat ini menerima tahap penyertaan yang tinggi agar PTPTN dapat membentangkan kehendak rakyat dalam kertas cadangan terakhirnya kepada Kabinet untuk diputuskan di sekitar bulan Jun atau Julai 2019 kelak.

Beliau menambah, "PTPTN, sebagai badan berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, berharap dapat melaksanakan hasrat kerajaan untuk meringankan beban kewangan pinjaman pelajar. Walaupun keadaan kewangan PTPTN kini amat mencabar, kami tidak akan menyerah kalah dan berharap dapat memperoleh lebih banyak pandangan dan idea menerusi konsultasi rakyat ini."

Dalam usaha menjamin ketelusan, PTPTN juga telah menubuhkan panel konsultasi rakyat yang terdiri daripada pakar-pakar industri berpengalaman. Panel ini dipengerusikan oleh Ketua, Operasi Bank Kumpulan, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Encik Sheikh Shahrudin Sheikh Salim, dan dibantu ahli-ahli panel iaitu Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukur; Timbalan Ketua Pengarah Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Profesor Dr. Mohd Cairul

Iqbal Mohd Amin; Dato' (Dr) Hussamuddin Haji Yaacob, mewakili Lembaga Pengurusan PTPTN; dan Pengarah AMD Gruppe Berhad, Encik Muhammad Affendi Mohd Dilif.

PCP kini dibuka untuk menerima maklum balas daripada rakyat sehingga 13 Jun 2019. Selain itu, beberapa sesi town hall akan diadakan bertempat di Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Univerisiti Malaysia Sabah (UMS) untuk menggalakkan lebih banyak maklum balas. Mereka yang berminat untuk menghadiri boleh mengunjungi www.ptptn.gov.my/kertas-konsultasi-rakyat untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Mengenai PTPTN

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) yang berkuat kuasa pada 1 Julai 1997. PTPTN memulakan operasi pada 1 November 1997 dan bertanggungjawab menguruskan pinjaman untuk tujuan pendidikan tinggi dan mengutip pembayaran balik pinjaman; menyediakan skim simpanan dan menguruskan deposit bagi tujuan pendidikan tinggi; serta melaksanakan sebarang fungsi lain yang diamahkan kepada PTPTN oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Hubungi:

- i) Pn. Rina Abd Rahman di rina@ptptn.gov.my (019 - 3888 733); atau
- ii) En. Muhammad Haikal Asmawi di haikal@ptptn.gov.my (010 - 6568 510)

-Tamat-

Dikeluarkan oleh : Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)